



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

**INDEKS JUALAN RUNCIT
DAN
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU KEDUA 2021**

*RETAIL SALES INDEX
AND
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
SECOND QUARTER 2021*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU KEDUA 2021**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Pada suku kedua (Q2) 2021, prestasi Indeks Jualan Runcit (IJR) di Negara Brunei Darussalam terus menunjukkan peningkatan tahun-ke-tahun sebanyak 9.9 peratus dengan nilai jualan runcit dianggarkan sebanyak BND464.5 juta. Manakala bagi Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) pula, ianya juga telah meningkat sebanyak 28.8 peratus berbanding Q2 2020 dengan nilai hasil jualan dianggarkan sebanyak BND91.6 juta.
2. Bagi jualan runcit, hampir kesemua aktiviti runcit telah menunjukkan peningkatan jualan, yang didorong terutamanya oleh jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut yang meningkat sebanyak 65.3 peratus, diikuti dengan jualan Jam Tangan dan Barang Kemas sebanyak 37.5 peratus; jualan Perkakasan, Cat dan Kaca di kedai khusus (22.3 peratus); jualan di Stesen Minyak (19.1 peratus); dan jualan di Gedung Serbaneka (7.3 peratus).
3. Manakala bagi perkhidmatan makanan & minuman, peningkatan jualan adalah didorong oleh hasil jualan bagi Lain-Lain Aktiviti Perkhidmatan Makanan sebanyak 46.2 peratus, diikuti dengan Restoran sebanyak 31.9 peratus dan Kedai Makanan Segera (19.7 peratus).

4. Peningkatan jualan runcit dan jualan perkhidmatan makanan & minuman adalah selaras dengan kenaikan permintaan domestik bagi barangan dan perkhidmatan tertentu berikutan sekatan perjalanan keluar negeri. Di samping itu, kebenaran bagi premis-premis makanan untuk beroperasi pada kapasiti biasa sejak 27 Julai 2020 berikutan perkembangan situasi wabak COVID-19 di negara ini semasa tempoh berkenaan juga telah menyumbang kepada peningkatan ketara bagi jualan perkhidmatan makanan & minuman.
5. Berbanding dengan suku pertama (Q1) 2021, IJR pada Q2 2021 telah meningkat sebanyak 2.5 peratus, terutamanya disebabkan oleh peningkatan jualan Peralatan Perabot dan Rumah sebanyak 27.8 peratus, diikuti dengan jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut sebanyak 17.6 peratus; jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus (8.7 peratus); jualan di Gedung Serbaneka (7.4 peratus); dan jualan di Pasar Raya (4.7 peratus).
6. Manakala bagi IPM&M pula, ianya telah mencatatkan penurunan sebanyak 3.3 peratus pada Q2 2021 berbanding Q1 2021 disebabkan oleh penurunan hasil jualan bagi Aktiviti Penyajian Minuman sebanyak 19.3 peratus, diikuti dengan Restoran sebanyak 4.3 peratus dan Kedai Makanan Segera sebanyak 0.1 peratus.
7. Indeks Jualan Runcit (IJR) dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran tren perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: www.deps.gov.bn.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
SECOND QUARTER 2021

BRUNEI DARUSSALAM

1. *In the second quarter (Q2) 2021, the performance of the Retail Sales Index (RSI) in Brunei Darussalam continued to show a year-on-year increase of 9.9 per cent with an estimated retail sales value of BND464.5 million. As for the Food & Beverages Services Index (F&BSI), it has also increased by 28.8 per cent compared to Q2 2020 with an estimated sales revenue of BND91.6 million.*
2. *For retail sales, almost all retail activities have shown an increase in sales driven mainly by the sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear which increased by 65.3 per cent, followed by sales of Watches and Jewellery by 37.5 per cent; sales of Hardware, Paints and Glass in specialized stores (22.3 per cent); sales in Petrol Station (19.1 per cent); and sales in Department Store (7.3 per cent).*
3. *As for food & beverages services, the increase in sales was attributed to the increase in sales revenue of Other Food Service Activities (46.2 per cent), followed by Restaurants (31.9 per cent) and Fast-food Outlets (19.7 per cent).*
4. *This increase in retail sales and sales of food & beverages was in line with the increase in domestic demand for certain goods and services due to travel restrictions abroad. In addition, permission for food premises to operate at the normal capacity since 27 July 2020 following the COVID-19 outbreak situation in the country during that time period has also contributed to the significant increase in sales of food & beverages services.*

5. *As compared to the first quarter (Q1) 2021, the RSI in Q2 2021 has recorded an increase of 2.5 per cent mainly due to an increase in sales of Furniture and Household Equipment by 27.8 per cent, followed by sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear by 17.6 per cent; sales of Electrical Household Appliances and Lighting Equipment in specialized stores (8.7 per cent); sales in Department Store (7.4 per cent); and sales in Supermarket (4.7 per cent).*

6. *As for the F&BSI, it has recorded a decrease of 3.3 per cent in Q2 2021 compared to Q1 2021 mainly due to the decrease in sales revenue of Beverage Serving Activities by 19.3 per cent, followed by Restaurants by 4.3 per cent and Fast-food Outlets by 0.1 per cent.*

7. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and provides an outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: www.deps.gov.bn.*